

## Patriotisme

# Hari Sukan Negara medan terbaik eratkan perpaduan

**K**epelbagaian kaum dan etnik sudah lama menjadi simbol kekuatan Malaysia. Dianggarkan, Malaysia mempunyai kira-kira 80 etnik terutama di Sabah dan Sarawak.

Namun, kepelbagaian ini tidak pernah menyebabkan perbalahan atau perpecahan, malah ia menjadikan kehidupan masyarakat dihias dengan warna-warni tradisi, kebudayaan dan agama yang diwarisi setiap kaum sejak sekian lama.

Integrasi dan sinergi yang dihasil antara kaum ini turut terbias pada aktiviti dan program dianjurkan kerajaan dan pihak berkuasa tempatan.

Asimilasi penyatuan hati dan jiwa yang sudah lama sebatidalam sanubari setiap individu terus menjadi ejen keharmonian yang dikeskakan masyarakat majmuk di Malaysia.

## Usaha realisasi perpaduan

Mengambil berat akan usaha penyatuan ini, kesungguhan kerajaan bagi merealisasikan perpaduan atau semangat kebangsaan meliputi pelbagai suku dan kaum di Malaysia amat dihargai.

Hari ini kita dapat melihat pelbagai aktiviti dan program dirancang seterusnya direalisasikan sama ada pada peringkat negara mahupun antarabangsa.


Kerajaan juga dilihat menepati peranannya sebagai faktor kesatuan dengan mengusulkan adicita warga Malaysia.

Inilah peranan dimainkan Kerajaan Madi-nah pimpinan Rasulullah SAW yang menawarkan Piagam Madi-nah sebagai asas kepada perpaduan. Kesalingan kerjasama antara asas melindungi, mempertahankan dan mengekalkan keamanan di Madi-nah.

Antara program yang berjalannya di serata Malaysia termasuk

Hari Sukan Negara yang menyasarkan pembabitkan secara menyeluruh semua peringkat usia dan golongan pelbagai kaum untuk sama-sama turun padang mengeratkan hubungan di samping dapat menyihatkan tubuh badan.

Sambutan Hari Sukan Negara diisytiharkan pada setiap Sabtu minggu kedua Oktober. Ia diumumkan Perdana Menteri, Da-



*Hari Sukan Negara medan terbaik menggalakkan gaya hidup cergas dan menyatukan rakyat berbilang kaum di negara ini.*

(GAMBAR HIASAN)

tuk Seri Najib Razak, pada 24 Mac 2015.

Sambutan ini adalah inisiatif Kementerian Belia dan Sukan di mana ia adalah langkah proaktif dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Bersukan (Sporting Nation).

Justeru, Hari Sukan Negara dijadikan agenda nasional yang selari dengan matlamat negara ke arah Wawasan 2020.

Pengisian sambutan Hari Sukan Negara dengan pelbagai aktiviti sukan dan riadah disusun secara proaktif demi memastikan setiap lapisan masyarakat mengambil bahagian dalam merayakan acara gala itu yang diraikan secara serentak di seluruh pelusuk tanah air.

Semua pihak melalui pembabitkan sektor awam, swasta dan rakyat keseluruhannya berganding bahu menganjur dan menyertai program dan aktiviti su-

kan dan kecergasan.

Hari Sukan Negara adalah medan terbaik dalam usaha kerajaan menggalakkan rakyat menerapkan amalan budaya hidup cergas dan aktif memandangkan peratusan masyarakat Malaysia yang aktif bersukan masih lagi rendah iaitu pada kadar sekitar 40 peratus berbanding 50 hingga 60 peratus di negara maju.

Budaya sukan melalui amalan gaya hidup cergas dan aktif pada masa sama dapat membantu menurunkan kadar penyakit kronik dalam kalangan rakyat Malaysia.

## Asas patriotisme

Oleh itu, kesatuan dalam kalangan kaum harus dipertahankan kerana ia menjadi asas patriotisme, kesejahteraan rakyat dan keamanan negara. Malaysia amat bertuah kerana perpaduan dan kepemimpinan sedia wujud sejak merdeka menyuntik semangat kesatuan dalam kalangan masya-

rakat majmuk negara ini. Tambahan lagi, kebijaksanaan kepimpinan negara membawa kepada suasana aman, damai, sejahtera dan generasi muda juga perlu dianjak dari segi pemikiran untuk mempertahankan kedamaian yang wujud.

Harapan yang tinggi harus diletakkan di atas bahu semua rakyat Malaysia agar semangat patriotisme ini terus dipupuk kerana semangat itu akan mudah hancur sekiranya kita lalai dan alpa.

Justeru, situasi kesejahteraan di negara ini harus dihayati bersama. Generasi muda juga dianjurkan mengambil langkah bijaksana dan bersikap rasional dengan tidak mudah percaya kepada khabar angin membabitkan soal perkauman dan agama yang boleh membawa kepada ketegangan antara kaum.

**Dr Nurkhamimi Zainuddin,**  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,  
USIM

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bharian.com.my](mailto:bhforum@bharian.com.my)